

دولت کبawah دولی توان قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



KELUARAN
KHAS



Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam



Imbas kod QR ini untuk layan
ePaper Pelita Brunei

KELUARAN SABTU
13 JULAI 2019

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb : 217 Faksimile: 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Ke 3
Tahun



infodept.bn

infodept.bn

Jabatan

Penerangan

Jabatan Perdana Menteri



Melestarikan kewangan Islam

SEBAGAI sebuah negara membangun dan berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), pelbagai aspek perlu diurus tadbir secara terperinci untuk kemaslahatan rakyat dan penduduk di negara ini. Ini termasuklah memastikan kestabilan ekonomi negara demi kemakmuran dan kesinambungan generasi yang akan datang.

Sebagai Ketua Negara dan Ketua Agama di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menggalas tanggungjawab untuk memastikan semua keperluan rakyat terutama memastikan kesejahteraan mereka dipenuhi termasuk memastikan tuntutan syarak dilaksanakan seperti Maqasid al-Syariah.

Maka tidak hairan apabila sektor kewangan di negara ini bukan sahaja

memperkembangkan sistem kewangan atau perbankan konvensional malahan negara juga sejak berpuluhan tahun yang lalu, dibawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menyedari akan hakikat dan potensi industri ini, menerokai dan mengembangmajukan serta melestarikan kewangan serta perbankan Islam.

Alhamdulillah, perkembangan kewangan serta perbankan Islam di negara ini menunjukkan prestasi yang sangat baik dan menggalakkan. Pada Forum Perbankan dan Kewangan Islam Brunei (BIBFF) 2018, salah seorang ahli forum berkenaan, Presiden / CEO Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (INCEIF) Malaysia, Profesor Dato Dr. Mohd. Azmi Omar menyatakan, Negara Brunei Darussalam, menurut ICD-Thomson Reuters Islamic Finance Development Report 2017 berada dalam kedudukan 10 teratas bagi prestasi kewangan Islam.

Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan kepimpinan bijak Kebawah DYMM, sektor kewangan dan perbankan Islam di negara ini terus kukuh dan mantap, lebih-lebih lagi dengan pencapaian bukan sahaja di peringkat negara malahan juga antarabangsa.

Mengimbang kembali sejarah kewangan dan perbankan Islam di negara ini, baginda sentiasa berusaha untuk menyediakan pelbagai platform ke arah melestarikan sektor ini.

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), sebuah badan korporat ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam (Bab 163) dan dilancarkan secara rasmi oleh baginda pada 29 September 1991. Dengan pelancaran TAIB, ia membuka lembaran baharu kerana ia sebagai sebuah institusi kewangan pertama di negara ini yang melaksanakan semua aktiviti perbankan mengikut tuntutan syarak.

Sementara itu, pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-59 Tahun di Istana Nurul Iman, pada Jumaat, 9 Jamadilakhir 1426H bersamaan 15 Julai 2005M, Kebawah DYMM bertitah memperkenankan cadangan penggabungan

dua buah bank tempatan iaitu Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB). Ini adalah dianggap selaras dengan trend global semasa, di mana beberapa buah bank dapat bergabung untuk mengukuhkan keupayaan dan daya saing, bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Justeru, hasil penggabungan ini, pada 2005, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ditubuhkan. BIBD merupakan bank terbesar dan salah sebuah institusi kewangan Islam perdana di negara ini. Ia adalah institusi kewangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang dikendalikan menurut amalan terbaik global di bawah bimbingan pasukan pengurusan yang berpengalaman.

Alhamdulillah, dengan kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM, semua aspek diteliti dan dipastikan perkembangannya adalah seimbang, bukan sahaja memenuhi keperluan konvensional, malahan juga kepentingan dan tuntutan agama. InsyaAllah, dengan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak, ekonomi dan kesejahteraan negara akan terus terpelihara lebih-lebih apabila semua dijalankan berpandukan konsep MIB.



Oleh : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Jabatan Penerangan

RAKYAT dan penduduk Negara Brunei Darussalam sangat bertuah kerana dikurniakan seorang raja yang berwawasan dan prihatin terhadap hal ehwal kebijakan, kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Ini terbukti dengan adanya perancangan dan peruntukan khusus yang disediakan oleh kerajaan di bawah kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan kemudahan kesihatan yang diperlukan rakyat dan penduduk di negara ini.

Ke arah memperkuuhkan dan mempertingkatkan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini melalui promosi kesihatan dan amalan gaya hidup sihat, kerajaan telah membina bangunan Pusat Promosi Kesihatan yang terletak di Commonwealth Drive, Jalan Menteri Besar. Dengan adanya Pusat Promosi Kesihatan ini ia adalah satu landasan yang membolehkan rakyat dan penduduk di negara ini melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran serta kaedah meningkatkan kesihatan, terutamanya yang berhubung kait dengan penyakit-penyakit berkaitan dengan gaya hidup sihat.

Bagi masyarakat yang memerlukan perkhidmatan untuk mencapai kehidupan yang lebih sihat tanpa merokok dan menurunkan berat badan, program-program kesihatan diberikan di Klinik Berhenti Merokok dan Klinik Badan Sihat.

Usaha-usaha lain yang giat dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah DYMM ke arah menanamkan dan meningkatkan kesedaran rakyat serta penduduk di negara ini mengenai amalan gaya hidup sihat ialah mengadakan program-program promosi kesihatan seperti Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan, Program Mukim Sihat, Program Pasar Raya Sihat, Kempen Pemakanan Sihat, Kempen Berhenti Merokok, Kempen Kebersihan Alam Sekitar, Kempen Penyusuan Susu Ibu, Kempen Menderma Darah dan Kempen-Kempen Pencegahan Penyakit-Penyakit Berjangkit.

Selain itu, aktiviti-aktiviti promosi kesihatan sempena Hari Kesihatan Sedunia juga diadakan pada setiap tahun dengan tema yang berlainan yang bertujuan untuk melibatkan masyarakat ke arah gaya hidup sihat.

Keprihatinan Raja

Kebawah DYMM amat prihatin dalam meningkatkan kesedaran rakyat dan penduduk di negara ini mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat. Keprihatinan baginda ini lebih jelas dilihat melalui titah-titah baginda yang sentiasa mengingatkan rakyat baginda agar selalu mengamalkan gaya hidup sihat

Raja penggalak gaya hidup sihat



untuk mendapatkan kesihatan yang baik ke arah mencapai Wawasan 2035.

"Warga yang sihat akan dapat memainkan peranan lebih cergas, lebih produktif dan efektif untuk masyarakat dan negara.

"Salah satu kaedah kawalan dan pencegahan penyakit itu ialah melalui pengamalan cara hidup sihat, termasuk mengekalkan persekitaran yang bersih lagi selamat. Amalan-amalan baik seperti ini amatlah ditutut oleh ugama Islam.

"Demikian juga, Islam menekankan supaya kita tidak berlebih-lebihan dalam pemakanan.

"Kerajaan beta adalah berharap untuk melihat rakyat dan penduduk di negara ini mempunyai tahap kesihatan yang optima," titah baginda pada Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Ilmu 2012 Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-66 Tahun.

Dalam Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi di Istana Nurul Iman, baginda antara lain mengharapkan agar semua kita di

negara ini akan mengambil perhatian terhadap apa jua perkembangan semasa, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan perkara kesihatan kerana kesihatan itu tidak syak lagi adalah satu rukun untuk memperoleh segala kebaikan.

Penglibatan Raja

Sebagai seorang raja yang mengamalkan gaya hidup sihat baginda juga sering berangkat bercemar duli menyertai acara-acara kegiatan fizikal seperti walkaton. Baginda berkenan mengepalai Walkaton Kesihatan dan Kecergasan Kementerian-Kementerian yang telah diadakan buat kali pertama pada bulan Mac 2002 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Ini menunjukkan bahawa baginda sangat menitikberatkan amalan gaya hidup sihat sehingga dapat menarik ramai penyertaan kalangan anggota Perkhidmatan Awam dan orang ramai sejumlah lebih 7,000 orang menyertai acara walkaton sejauh 5 kilometer yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Malahan tidak dapat

dinafikan lagi bahawa dalam usia baginda itu telah memperlihatkan kepada rakyat dan penduduk negara ini, khususnya kepada anggota Perkhidmatan Awam, bahawa baginda sentiasa bersikap cergas dan pantas terutama dalam kegiatan fizikal seperti walkaton yang mana ia adalah salah satu amalan gaya hidup sihat.

Selain itu, baginda juga berkenan berangkat bercemar duli menyertai acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2019 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada 24 Februari 2019.

Keberangkatan baginda bercemar duli menyertai Riadah Berbasikal be sama rakyat dan penduduk di negara ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen baginda yang begitu tinggi terhadap gaya hidup sihat malahan ia dapat memupuk perpaduan negara melalui penghayatan budaya sukan dan penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang menjurus kepada perwujudan warga sihat yang mana adalah penting ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.



Oleh : Hajah Hamsah Datu Kerna Haji Jaya
Foto : Jabatan Penerangan



Kepimpinan berteraskan Islam

NEGARA Brunei Darussalam diperintah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menempatkan ugama Islam selaku ugama rasmi di negara ini yang diamalkan, dihayati dan sebagai tonggak dalam tindak tanduk pentadbiran, kepimpinan dan pengurusan yang dilaksanakan oleh baginda.

Satu pencapaian gemilang Negara Brunei Darussalam ialah pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang telah digazetkan pada 22 Oktober 2013 dan mula dilaksanakan sepenuhnya pada 3 April 2019 yang mana menimbulkan salah tanggapan sebahagian masyarakat antarabangsa.

Perkara ini disentuh oleh Kebawah DYMM dalam titah baginda Sempena Menyambut Bulan Ramadan 1440H / 2019M pada 5 Mei 2019 : "Beta adalah menyedari, terdapat bermacam-macam persoalan dan salah tanggapan berikut dan dengan pelaksanaan undang-undang berkenaan. Untuk itu, kita telah memberikan penjelasan mengenainya. Kita juga sedia menyedari, salah tanggapan memang boleh saja menimbulkan pelbagai kegusaran. Namun kita juga yakin apabila salah tanggapan itu bertukar jadi kefahaman yang betul maka apa yang mulanya dianggap buruk, baru akan nampak pula kebaikannya."

Jelas baginda lagi dalam menegakkan komitmen dan tanggungjawab antarabangsa terhadap hak asasi manusia, negara kita akan mengesahkan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Penyejaan Kedua-dua undang-undang, yakni Common Law dan Syariah adalah bertujuan untuk memastikan keama-

nan dan keharmonian negara dan moral serta kesopanan orang ramai akan selamanya terpelihara, di samping menghormati privasi setiap individu.

Mengukuhkan Syariat Agama Islam

Pemimpin terbaik adalah berlandaskan Al-Quran yang memimpin pemerintahannya dengan mengamalkan penyiaran hukum Allah sebagai Maqasid Syar'iyyah iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Pengharaman arak di negara ini adalah satu langkah yang bijaksana yang dilaksanakan oleh Kebawah DYMM kerana menjunjung tinggi agama Islam dan tidak terlepas daripada lakan Allah dan Rasul-Nya.

Menurut tulisan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned bahawa raja Brunei adalah seorang yang soleh, baginda tidak menahan harta tetapi turut menginfakkan harta di jalan Allah. Baginda mengeluarkan zakat dan malah menegur pihak berkenaan yang menahan baki wang zakat. Baginda juga bersedekah sunat, sama ada sedekah bermusim ataupun tidak.

Kebawah DYMM juga pemimpin yang tidak pernah alpa mengingatkan rakyatnya dalam hal ehwal akhirat melalui kandungan titah-titah baginda.

Hasrat baginda menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir akan mewujudkan Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghaffur. Ke arah itu, baginda menyarankan supaya sikap mengingati Allah dan berzikir itu menjadi amalan dan 'mendarah daging' pada kehidupan masyarakat Brunei.

Sepertimana petikan titah baginda pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1440H / 2019M pada 3 April 2019 : "Beta ingin tegaskan, bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang molek, yang sentiasa mementingkan ibadat kepada Allah. Ia dipandu oleh sistem Melayu Islam Beraja (MIB) yang telah pun berjalan sekian lama sejak ratusan tahun lagi. Sistem ini berkewajipan untuk memelihara dan menjamin semua hak rakyat dan penduduk tanpa mengira puak dan pegangan mereka. Inilah MIB, konsep keramat yang telah berjaya menjelmakan sebuah negara yang adil lagi bahagia yang hidup di dalamnya sebuah komuniti yang bersatu padu. Sistem MIB juga telah terbukti amat mesra kepada dunia, sehingga siapa saja yang datang berkunjung ke negara ini akan beroleh pengalaman manis, dapat menikmati suasana aman dan harmoni

serta layanan yang sebaik-baiknya."

Anugerah Ijazah Kehormat (Kepimpinan Islam)

Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat (Kepimpinan Islam) sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-90 yang disampaikan oleh Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah selaku Canselor Universiti Teknologi MARA pada 23 Mac 2019 yang berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan yang merupakan satu penghormatan besar kepada baginda dan Negara Brunei Darussalam.

Anugerah Ijazah Doktor Kehormat (Kepimpinan Islam) tersebut adalah sebagai pengiktirafan kepada pencapaian baginda di sepanjang lima dekad pemerintahan dengan menerapkan nilai-nilai Islam sehingga mencapai kejayaan dan kemajuan dalam pelbagai bidang, termasuk agama, ekonomi, pendidikan dan kesihatan di bawah falsafah MIB, sekali gus menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni juga dikenali dan dihormati di seluruh dunia.



Penegak kesaksamaan wanita dan kanak-kanak



MEMPERKATAKAN hak asasi manusia dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat menitikberatkan dan sentiasa peka dengan kepentingan serta kemaslahatan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Lantaran sikap pemeliharaan, prihatin dan kasih sayang baginda yang berakar umbi, seluruh rakyat dan penduduknya telah menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera. Di mana di sepanjang pemerintahan baginda pelbagai bentuk kemudahan dan keperluan rakyat telah disediakan sebagai memenuhi hak-hak mereka sebagai seorang manusia tanpa mengira lelaki atau wanita, kanak-kanak serta semua lapisan masyarakat sama ada dari sudut pendidikan, perkhidmatan kesihatan, peluang pekerjaan, tempat tinggal, keperluan asas dan banyak lagi.

Di bawah kepimpinan bijaksana baginda lebih 50 tahun yang lalu, hak setiap wanita di negara ini antara yang sentiasa terpelihara dengan mendapat pengiktirafan yang sama sebagaimana hak yang dimiliki oleh lelaki. Seperti mendapatkan pendidikan, pekerjaan,

memiliki harta atau hak untuk mengeluarkan pendapat dan sebagainya.

Peluang pekerjaan di negara ini juga adalah diberikan sama rata kepada rakyat tanpa mengira jantina. Sebagai contoh dalam pendaftaran dan kemasukan wanita ke pengajian tinggi menurut Forum Ekonomi Sedunia mengenai Jurang Gender Global melaporkan Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan ke-7. Pemberian sama rata dalam meninggikan pengetahuan dan kemahiran di negara ini telah memberikan peluang kepada golongan wanita menceburi bidang-bidang profesional seperti perubatan, undang-undang, perniagaan dan keusahawanan serta kejuruteraan.

Peranan Wanita Terus Diperkasa

Syukur Alhamdulillah di negara kita perkembangan dan kejayaan yang diperoleh oleh kaum wanita kita dalam pelbagai bidang penting khususnya pencapaian dan kemajuan dalam bidang ekonomi, politik dan kemasyarakatan, dalam Perkhidmatan Awam, swasta, pendidikan, kesihatan dan dalam sama-sama menerajui pembangunan negara amat membanggakan.

Wanita kita sekarang bukan sahaja suri rumah tangga yang hanya terceruk di dapur, tetapi mereka adalah serikandi negara yang sentiasa dan akan terus

diberi peluang yang saksama dalam semua aspek kehidupan, memandangkan golongan wanita bukan saja berperanan sebagai ibu atau isteri tetapi juga berperanan sebagai empat dalam satu iaitu sebagai isteri, ibu, pekerja dan pendidik yang juga berperanan pada mengukuhkan institusi keluarga dalam memastikan anak-anak dan keluarga hidup dalam keadaan terjaga, penuh dengan kasih sayang dan sokongan.

Perjuangan hak dan perlindungan kaum wanita telah merentasi generasi dan sempadan serta meliputi pelbagai bidang yang saling berkait rapat dan negara kita telah mencapai tahap pembangunan kaum wanita yang amat membanggakan sehingga dapat menandingi dan malah mengatasi pencapaian kaum lelaki dalam beberapa aspek.

Perkembangan dan perubahan ini adalah selari dengan kehendak semasa dan selaras dengan dasar Kerajaan Kebawah DYMM yang memberikan perhatian dan keutamaan kepada kebijakan dan kesejahteraan kaum wanita, terutama sekali di dalam memperkasa sumbangan wanita dari segi ekonomi dan kerjaya.

Perkara ini pernah dititahkan Kebawah DYMM semasa Sambutan Hari Komanwel 2011, yang telah menekankan bahawa wanita memainkan peranan yang penting di dalam sebuah negara dan tanpa penglibatan mereka perubahan pesat dan mencabar pada Abad Ke-21 dan pada

masa depan tidak akan tercapai dengan jayanya.

Dalam memastikan kehidupan rakyat di negara ini berkualiti tinggi, Kerajaan Kebawah DYMM juga terus-menerus melaksanakan tanggungjawab, pemeliharaan kebijakan dan kesejahteraan rakyat secara holistik, inklusif, komprehensif dan bersepada melalui strategi-strategi yang praktikal, fleksibel dan berdaya tahan yang responsif kepada keperluan dan cabaran semasa bagi memastikan seboleh-bolehnya tiada rakyat yang tercicir daripada jaringan jaminan sosial termasuk kaum wanita.

Sejak dengan kedudukan wanita sebagai nadi dalam sebuah keluarga dan mendukung pembangunan negara, Kerajaan Kebawah DYMM juga sentiasa peka akan kebijakan dan kesejahteraan rakyatnya telah memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Pelan Tindakan Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita tersebut menumpukan sebanyak lapan isu utama yang berkaitan dengan keluarga dan wanita seperti Pengukuhan Institusi Keluarga; Keseimbangan Pekerjaan dan Keluarga; Ekonomi; Hak Wanita dan Perundangan; Sumber Maklumat Mengenai Keluarga; Kesihatan; Pendidikan; dan Mekanisme Memperkasa Wanita yang meliputi latihan dan kemahiran. Dengan adanya pelan ini peranan dan pencapaian kaum wanita di negara ini terus dihargai dan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dapat dihapuskan.

Manakala bagi memastikan tuntutan hak kanak-kanak dapat dipenuhi dan dilindungi, di negara ini, pelbagai keperluan dan kemudahan telah disediakan termasuk pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang diberikan secara percuma. National Children Council telah ditubuhkan pada 16 Januari 2001 bertujuan untuk mengatur dan menyelaraskan sebarang aktiviti bagi kanak-kanak dan memantau kemaslahatan dan perkembangan kanak-kanak tersebut.

Beberapa undang-undang telah digubal dan dikuatkuasakan bagi memastikan hak asasi kanak-kanak sentiasa dilindungi daripada bentuk keganasan, penganiayaan dan eksloitasi seperti Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggal 210) dan banyak lagi. Sebagai contoh, Akta Undang-Undang Keluarga Islam, (Penggal 21) memperuntukkan hak kanak-kanak terhadap nafkah dan penjagaan.



Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP insan mempunyai keupayaan dan kelebihan berbeza. Demi kesejahteraan Orang-orang Kelainan Upaya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperkenankan bagi pindaan Akta dan Peraturan Pencen dan Élaun Kurang Upaya berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Melalui pindaan tersebut, Elaun Kurang Upaya juga dihulurkan kepada mereka yang berumur di bawah 15 tahun, yang layak pada kadar tertentu. Dengan pindaan itu, diharap kebajikan dan kesejahteraan penerima-penerima elauan tersebut akan lebih terjamin.

Kerajaan Kebawah DYMM turut memperkenankan kadar Elaun Sara Hidup, termasuk Elaun Perjalanan bagi penuntut yang belajar, khususnya di United Kingdom dan Ireland di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan PhD di bawah Biasiswa-biasiswa Kementerian Pendidikan, Dana Sumber Manusia, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan ABDB mulai 1 Januari 2019.

Kadar Elaun Sara Hidup bagi penerima Biasiswa Sultan's Scholar, Chancellor's Scholar, Latihan Dalam Perkhidmatan tidak berubah. Penuntut-penuntut di bawah biasiswa kerajaan yang belajar di tempat-tempat lain, selain di United Kingdom dan Ireland, juga tidak terkecuali menerima kenaikan Elaun Sara Hidup yang sama dalam kadar bersesuaian.

Antara teras utama dalam mensejahterakan kualiti kehidupan rakyat adalah memastikan kemudahan-kemudahan awam di tahap yang bersesuaian. Ke arah itu, Kementerian Pembangunan akan memberikan perhatian berat untuk memastikan infrastruktur awam seperti rangkaian jalan raya, bekalan air bersih, saliran, pembentangan dan keadaan persekitaran diurus juga dipelihara secara teratur.

Sektor-sektor yang menjadi fokus utama, perumahan; bekalan air; isu kebersihan; dan rangkaian jalan raya. Kementerian Pembangunan akan terus berusaha menyediakan perumahan bersesuaian bagi rakyat yang memerlukan bantuan untuk memiliki dan mendiami perumahan melalui Rancangan Perumahan Negara; dan mendukung sasaran Kadar Pemilikan Rumah (Home Ownership Rate) pada kadar 85 peratus menjelang Tahun 2035.

Kadar Pemilikan Rumah kini ialah 65 peratus. Dengan peruntukan sebanyak BND39.24 juta yang disediakan di bawah RKN Ke-11 bagi Tahun Kewangan 2019 - 2020 dan Harga Rancangan keseluruhan sejumlah BND265 juta, dua buah projek utama bagi penyediaan lebih 2,000 unit perumahan, iaitu di a) Perumahan Kampung



Kebajikan rakyat diutamakan

Lugu; dan b) Perumahan Kampung Tanah Jambu akan dilaksanakan.

Dari segi kesihatan, sejumlah 4,958 pesakit dicatatkan menghidap Penyakit Buah Pinggang Kronik di penghujung tahun 2018. Antara penyebab utama Penyakit Buah Pinggang

Kronik adalah penyakit diabetes, penyakit darah tinggi dan radang buah pinggang, di mana seramai 783 pesakit Kegagalan Buah Pinggang Tahap Akhir (End Stage Renal Failure). Seramai 655 pesakit menjalani rawatan haemodialysis dan 82 pesakit menjalani rawatan peritoneal dialysis.

Manakala 46 pesakit pula menjalani pemindahan

buah pinggang dan menerima rawatan susulan bagipemantauan doktor. Kos rawatan haemodialysis termasuk kos ubat-ubatan renal bagi penyakit buah pinggang pada tahun kewangan 2018 / 2019 adalah BND13.7 juta dan ia meningkat dari tahun ke tahun.

Sebanyak sembilan rawatan pemindahan buah pinggang berjaya dilaksanakan dalam tempoh enam tahun kebelakangan. Penerimaannya sangat menggalakkan dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Buku Brunei Nephrology Clinical Practice Guidelines diterbitkan dan dilancarkan pada Sabtu, 29 Jun bagi kegunaan para pengamal perubatan, khususnya para doktor, jururawat dan profesional perubatan lain. Ia bagi memastikan kualiti penjagaan kesihatan kepada para pesakit buah pinggang adalah konsisten di mana sahaja mereka menerima rawatan dan selaras dengan piawaian antarabangsa.

Kebajikan rakyat, bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang dihulurkan hendaknya dilaksanakan dengan teratur, supaya tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan dalam kalangan penerima.

Pelbagai usaha Kerajaan Kebawah DYMM berikan dan hulurkan, bermula daripada kebajikan, perumahan, pendidikan hingga ke kesihatan, daripada golongan anak damit hingga warga emas para mantan belia berwawasan, gunakan dan manfaatkan sebaiknya segala kebajikan, agar hidup kekal dalam keharmonian, kesejahteraan, kemakmuran berkekalan. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik! Semoga kekal karar memerintah di atas singgahsana.



Oleh : Dk. Nasibahanim
Pg. Haji Bakar
Foto : Jabatan Penerangan



Memajukan infrastruktur negara

DENGAN kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk di negara ini amat bertuah kerana dapat menikmati kehidupan yang sejahtera dan harmoni.

Menerusi rencana ini secara ringkas mengetengahkan beberapa pembangunan dan kemajuan infrastruktur yang signifikan kepada pelestarian kemajuan di negara ini.

Bagi memastikan kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan secara berterusan meningkatkan dan memantapkan perkhidmatan kesihatan melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan komprehensif dan mudah diperoleh.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10) sebanyak BND285.7 juta telah diperuntukkan bagi Subsektor Kesihatan yang mana sejumlah BND172.3 juta dibelanjakan bagi menyediakan infrastruktur kesihatan, kemudahan bagi rawatan dan mempertingkatkan penggunaan teknologi baharu.

Beberapa buah pusat kesihatan juga telah dibina bagi kemudahan orang awam mendapatkan rawatan seperti Pusat Kesihatan Rimba dan Pusat Kesihatan Berakas yang masing-masing berharga BND7.3 juta dan BND14.2 juta.

Bagi mendukung teras pertama RKN10, 'Penduduk Yang Berpendidikan dan Berkemahiran Tinggi' pelbagai usaha dijalankan bagi memastikan pendidikan kelas pertama dan pembelajaran sepanjang hayat dapat diberikan. Perkara ini dapat disaksikan dengan terbinanya beberapa sekolah dan pusat pengajian tinggi di kawasan luar bandar antaranya Sekolah Rendah Kampung Katok 'B',

Sekolah Ugama Kupang Tutong, Sekolah Persediaan Arab Ugama Daerah Belait dan Pusat Tingkatan Enam Sungkuron.

Dalam memberikan rakyat kehidupan selesa dan kondusif, pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan merancang beberapa strategi jangka panjang agar Skim Perumahan Negara yang ada pada masa ini iaitu Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dan Rancangan Perumahan Negara adalah mencukupi.

Oleh itu, bagi mengoptimumkan penggunaan tanah pada projek-projek perumahan negara kaedah pembinaan rumah-rumah pangsa yang dijangkakan akan dapat membantu mempercepatkan pembangunan perumahan dan seterusnya mengurangkan tempoh menunggu dengan sasaran kurang daripada 10 tahun.

Manakala bagi melahirkan para belia yang berdisiplin, mempunyai jati diri, prihatin, bertanggungjawab, patriotik serta mempunyai nilai-nilai murni sebagai anak Brunei yang akan menerajui pembangunan negara dan bangsa pada masa hadapan, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah dibina di Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong.

Kewujudan PKBN di daerah tersebut juga akan mendatangkan faedah kepada

masyarakat setempat terutama menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang belum bekerja selain membuka peluang perniagaan bagi peniaga tempatan.

Sementara itu, Projek Lebuhraya Telisai - Lumut yang sudah digunakan oleh orang ramai merupakan projek penting yang menyumbang kepada pembangunan kawasan-kawasan luar bandar dengan menghubungkan Daerah Brunei dan Muara; Daerah Tutong dan Daerah Belait serta memudahkan cara perhubungan serta peredaran penduduk dan barang bagi mempergiatkan aktiviti sosioekonomi.

Projek yang menelan belanja kira-kira BND168 juta itu melibatkan laluan sepanjang kira-kira 18.6 kilometer dari Telisai ke Lumut termasuk pembinaan enam jambatan dan laluan satu hala jalan penghubung Sungai Paku sepanjang 3.4 kilometer yang menghubungkan Sungai Paku dengan Jalan Tutong - Seria yang sedia ada. Lebih raya tersebut juga akan mampu mengurangkan aliran trafik di sepanjang Jalan Telisai - Lumut terutamanya waktu-waktu sibuk selain meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya.

Manakala Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAH) merupakan mercu tanda baharu negara yang menghubungkan Bandar Seri Begawan (BSB) ke Sungai Kebun.

Perasmian jambatan tersebut adalah detik penuh bersejarah khususnya dalam perkembangan

pembangunan negara dan Kebawah DYMM sendiri berkenan merasmikan jambatan tersebut pada 14 Oktober 2017.

Jambatan RIPAH yang mempunyai kepanjangan sekitar 633 meter meyeberangi Sungai Brunei tersebut akan membolehkan para pengguna untuk menyaksikan sendiri keindahan Kampong Ayer dan BSB. Dengan terbinanya jambatan ini, ia akan mampu membangunkan kawasan Sungai Kebun dan sekitarnya.

Sementara satu lagi projek mega negara ialah pembinaan jambatan penghubung di antara Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong. Projek ini merentasi perairan Brunei melalui jambatan sepanjang kira-kira 14 kilometer dengan panjang keseluruhan jalan dan jejak sejauh 30 kilometer serta mempunyai reka bentuk keBruneian dengan menerapkan ciri-ciri keislaman. Jambatan yang bermula dari Jalan Utama Mentiri di Daerah Brunei dan Muara hingga ke Labu Estate di Daerah Temburong itu dijangka siap sepenuhnya pada November 2019.

Dengan adanya jambatan tersebut sudah pasti ia akan membawa potensi kemajuan yang besar kepada Permata Hijau negara itu seperti penempatan institusi pendidikan tinggi, pejabat kerajaan, pembinaan ekopelancongan, perusahaan, pertanian dan sebagainya.

Melalui beberapa projek tersebut, amat jelas menggambarkan bahawa Kerajaan Kebawah DYMM amat menitikberatkan kemajuan dan pembangunan infrastruktur negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk di bumi Darussalam ini.

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik!



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اللّٰهُمَّ اهْبِطْ لِنَا مِنَ السَّمَاءِ مَا يُكَفِّرُ عَذَابَكَ
وَلَا يُنَاهِي عَنْ حُكْمِكَ
إِنَّكَ أَنْتَ تَعْلَمُ بِمَا فِي أَنفُسِ الْأَنْسَابِ



Pencetus keluarga mawaddah

NEGARA Brunei Darussalam sangat bertuah kerana memiliki seorang pemerintah dan raja yang adil perkasa serta berjaya rakyat apatah lagi sepanjang lebih 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat telah menerima pelbagai kemudahan dan kesejahteraan yang sentiasa terjamin di bawah kepimpinan baginda yang berdaulat, bukan hanya seorang raja yang dihormati, baginda dikenali sebagai seorang ayahanda yang penyayang.

Sebagai putera sulung, hubungan baginda dengan ayahanda baginda telah membentuk gaya keibubapaan baginda sendiri dengan anakanda-anakanda baginda. Semasa hayat Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, baginda mempunyai hubungan yang erat antara ayahanda dan anakanda. Dengan keakraban dan kasih sayang ini telah mempengaruhi pembentukan keperibadian baginda sebagai seorang putera yang bersopan santun dan bertanggungjawab, menunjukkan semangat, berkewajipan dan kesetiaan kepada ayahanda baginda dan

peranan baginda sebagai Sultan Brunei Ke-29.

Ayahanda Penyayang

Bak kata pepatah, benih yang baik apabila jatuh ke laut akan menjadi pulau, maka begitulah juga didikan dan asuhan yang berdasarkan kesopanan Melayu dan Islam sebagai pegangan hidup di dunia dan akhirat, menjadi ketokohan baginda sebagai seorang pemimpin yang dihormati. Di mana-mana pun baginda berada, rakyat akan sentiasa menggerumuni baginda kerana baginda umpama bersemayam di istana hatinya dekat kepada rakyat. Baginda akan menghabiskan masa dengan anakanda-anakanda baginda, dan tidak pernah menjelaskan masa berkualiti dan selalu memastikan kehidupan kekeluargaan dinikmati. Keperibadian serta ketokohan baginda ini telah menjadi inspirasi dan contoh kepada putera-putera dan puteri-puteri baginda.

Walau betapa sibuk baginda dengan tugas dan lawatan rasmi ke beberapa tempat di negara dan lawatan rasmi di luar negara, baginda tetap memberikan anakanda-anakanda penjagaan dan bimbingan dengan penuh kasih sayang. Baginda merupakan seorang bapa yang membimbing anaknya mengikut ajaran Al-Quran dan Sunnah Nabi. Baginda memastikan anakanda-anakanda baginda

diberi pendidikan yang sempurna supaya anakanda-anakanda berjaya di dunia dan di akhirat.

Anakanda-anakanda dihantar belajar di sekolah biasa untuk mendapat pendidikan di Brunei, bergaul dengan rakyat jelata daripada pelbagai lapisan masyarakat. Tetapi baginda juga menekankan kepentingan dalam memperluas pendidikan anakanda-anakanda baginda di luar negara untuk pengajian ke peringkat tinggi. Hasilnya, kesemua paduka anakanda berjaya ke menara gading. Peranan Kebawah DYMM sebagai ayahanda dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, sebagai bonda adalah amat penting kerana ibu bapa adalah antara orang yang akan mencorak dan membentuk keperibadian anak-anak.

Akrab

Keakraban persaudaraan dan ikatan anakanda-anakanda yang kukuh ini jelas dapat dilihat pada masa apabila kerabat diraja menuaikan Solat Jumaat dan Solat Sunat Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha Berjemaah bersama-sama, mengiringi lawatan baginda dan bersukan. Bagi

baginda, membawa anakanda-anakanda ke masjid dan diberi bimbingan serta didikan holistik yang akan menyediakan untuk memainkan peranan sebagai seorang Islam dan kemudiannya, sebagai seorang kerabat diraja yang rendah diri kerana baginda juga didik dengan keindahan budi pekerti yang mulia. Empat ciri utama menerangkan kualiti budi pekerti yang dimiliki oleh baginda sebagai seorang raja yang adil dan penaung Negara Zikir iaitu beradat istiadat, berjaya rakyat, calak Brunei dan qudwah hasanah.

Sifat merendah diri baginda ini iaitu sebagai ayahanda yang menitikberatkan dan mengutamakan kepentingan anakanda-anakanda merupakan suatu ciri baginda yang disayangi dan dihormati oleh anakanda-anakanda baginda, rakyat jelata.

Mengimbas kembali 50 tahun pemerintahan Kebawah DYMM, selain menjadi ketua negara dan ketua kerajaan, baginda adalah ketua agama. Baginda memikul amanah Allah, memerintah negara dan rakyat dengan adil dan ihsan, kasih sayang dan pemedulian terhadap hal ehwal rakyat dan ayahanda terbaik.





Pertahanan kukuh, negara aman

NEGARA Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang bertuah kerana dapat menikmati kehidupan dalam keadaan aman dan selamat. Tuah rakyat Negara Brunei Darussalam bukan sahaja terletak pada keamanannya tetapi juga memiliki seorang raja yang pemedulian, penyayang dan berjaya rakyat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat menitikberatkan keselamatan dan kestabilan serantau dan antarabangsa seperti yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-58, "Dalam usaha Diplomasi Pertahanan, ABDB telah membuktikan inisiatifnya yang cemerlang melalui penglibatan di arena antarabangsa, meliputi penglibatan-penglibatan di International Monitoring Team (IMT) di Mindanao, Selatan Filipina, di United Nation Interim Forces in Lebanon (UNIFIL) dan di Independent Decommissioning Body (IDB) di Mindanao, Filipina. Ini semua memberi imej baik, bukan sahaja kepada ABDB

malahan juga kepada negara. Apa juar penglibatan adalah ia sumbangsih signifikan dan testimoni komitmen negara terhadap keselamatan serantau dan sejagat. Ia mustahak diteruskan selagi diperlukan."

Bukan itu sahaja, Kebawah DYMM juga sentiasa menghulurkan bantuan kepada pihak-pihak yang memerlukan, seperti dalam bentuk operasi kemanusiaan atau bantuan mitigasi bencana serta misi pemantau dan pengaman.

Pada titah Kebawah DYMM Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Bagi Tahun 2019, baginda menekankan mengenai perhubungan negara di peringkat antarabangsa, Negara Brunei Darussalam akan terus mengamalkan sikap hormat-menghormati, mengelakkan hubungan rapat yang telus dengan negara-negara lain dan akan terus memberikan kerjasama dalam menangani isu-isu yang menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa seperti ancaman anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Dalam era serba mencabar ini, peranan agensi-agensi keselamatan amatlah penting bagi menangani sebarang ancaman dan anasir yang boleh menggugat keamanan dan keharmonian negara.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) adalah antara pasukan keselamatan yang berperanan dalam menjaga keamanan negara sejak tahun 1906. PPDB merupakan pasukan barisan hadapan sebagai benteng bagi mengekang segala ancaman dan pencerobohan musuh.

Sementara itu, ABDB turut berperanan besar dalam mempertahankan negara untuk bertindak bagi menghalang sebarang kuasa luar yang berniat untuk campur tanganc secara langsung kepada negara dan sebarang elemen yang akan berlaku kepada negara kita.

Selain itu, beberapa agensi penguasa undang-undang yang telah ditubuhkan bagi menghadapi apa juar ancaman-ancaman yang boleh mengancam kemakmuran dan keharmonian negara kita.

Dalam meniti arus perkembangan teknologi, peralatan canggih belum

tentu mencukupi untuk mempertahankan keselamatan negara namun negara memerlukan daya intelektual yang tinggi serta pemikiran bernalas dan luas bagi menghadapi persekitaran geopolitik yang dinamik dan kompleks. Semua ini mencabar institusi pertahanan khasnya dan negara amnya untuk melahirkan dan membentuk barisan kepimpinan yang berwibawa.

Sesungguhnya nikmat keamanan negara yang kita kecapai hari ini bukanlah sesuatu yang mudah dicapai apatah lagi ia merupakan hasil perjuangan dan pengorbanan para pahlawan tanah air yang sanggup mempertarungkan jiwa raga demi melihat keamanan di bumi tercinta ini.





Sahut cabaran berbakti pada tanah

PEPATAH mengatakan 'Kalau tidak dipecahan ruyung mana kan dapat sagunya'. Pepatah ini sangat bernas yang boleh membangkitkan serta membakar semangat masyarakat untuk terus berusaha memajukan sesuatu yang hendak dicapai. Dalam erti kata lain sesuatu kejayaan itu tidak akan diperoleh tanpa adanya usaha.

Memang tidak dinafikan untuk mendapatkan sesuatu kejayaan, maka perlulah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan jangan hanya sekadar mengharap rezeki yang datang bergolek.

Akhir-akhir ini, kesedaran rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam untuk memajukan pelbagai bidang yang boleh menjana ekonomi negara giat dilaksanakan oleh pelbagai pihak dan bidang-bidang yang amat ketara

peningkatannya termasuklah bidang pelancongan, keusahawanan serta pertanian dan agrimakanan.

Pertanian Dan Agrimakanan

Sektor pertanian adalah salah satu sektor ekonomi penting yang turut menjadi tumpuan dalam perdagangan dunia memandangkan sektor ini adalah sebagai pembekal makanan dan juga sumber bahan mentah.

Sektor ini juga merupakan penyumbang kepada pendapatan negara sekali gus mengurangkan pergantungan terhadap import makanan dari luar negeri serta dapat memberikan sumber pendapatan kepada negara.

Hasil pertanian merupakan input yang digunakan dalam proses pengeluaran bahan makanan yang boleh dijadikan sebagai produk eksport.

Mengikut statistik, Trend Pengeluaran Industri Pertanian dan Agrimakanan Tahun 2018 mencatatkan peningkatan sebanyak 436.12 juta secara keseluruhan berbanding sebanyak 386.02 juta pada tahun 2014.

Antara penyumbang terbesar ialah industri agrimakanan mencatatkan sebanyak 127.81 juta diikuti dengan industri pertanian mencatat sebanyak 63.69 juta pada tahun 2018.

Pelan Strategik

Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengambil langkah dan inisiatif untuk mengukuhkan dan meningkatkan lagi profil industri pertanian dan agrimakanan dalam tempoh lima tahun dengan penyediaan Pelan Strategik Industri Pertanian dan Agrimakanan 2016 - 2020.

Pelan strategik ini adalah sebagai panduan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam usaha untuk memastikan perancangan adalah sejajar dengan visi iaitu Ke Arah Pertumbuhan Keluaran Industri Berasaskan Pertanian dan Agrimakanan Melalui Peningkatan Produktiviti dan Teknologi Tinggi Berorientasikan Eksport yang seterusnya diharapkan akan memberi sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sehubungan itu, pasaran domestik juga terus diterokai seiring dengan pasaran eksport. Keluaran daripada sektor pertanian dan agrimakanan di negara ini telah menunjukkan perkembangan yang positif dan menggalakkan.

Daripada trend pencapaian dalam tempoh 20 tahun kebelakangan, nilai keluaran sektor pertanian dan agrimakanan berkembang pada kadar purata 7.71 peratus setahun, iaitu daripada BND93 juta pada tahun 1998 kepada BND380 juta pada tahun 2017. Melihat akan peningkatan yang menggalakkan di sektor pertanian, agrimakanan dan juga perikanan dalam tempoh 20 tahun iaitu 1998 hingga 2017, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

semasa bertitah baru-baru ini percaya bahawa perkembangan positif ini memberi petunjuk bahawa peluang bagi mengembangkan sektor ini adalah terbuka luas lebih-lebih lagi dengan keadaan geografi negara menerima hujan, cuaca yang mengizinkan dan tanah-tanah yang masih belum diteroka.

Baginda menegaskan di samping terus meningkatkan sektor pertanian, produktiviti penggunaan teknologi tinggi dan menyediakan ekosistem yang teratur, juga satu elemen penting yang mesti diberi perhatian di samping sumber tenaga manusia.

Kerajaan Kebawah DYMM telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif untuk membantu pertumbuhan sektor ini.

"Beta telah memperkenankan satu inisiatif yang digelar Projek Rintis, yang merangkumi penawaran tapak secara rintis untuk percubaan. Projek ini memberi peluang kepada rakyat, terutama para belia dan penduduk untuk turut bergiat dalam aktiviti perladangan ataupun penternakan," demikian tegas baginda semasa bertitah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 22 Syawal 1440 Hijrah bersamaan 27 Jun 2019 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sumber Pencarian

Pertanian merupakan bidang yang sangat dituntut dalam Islam di mana hasil pertanian yang dimanfaatkan akan memberi pulangan pahala kepada pembuat atau pelakunya. Setiap pelaku kebaikan akan diberi ganjaran atas amalannya. Ini digambarkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari yang bermaksud :

Daripada Anas Radiallahuanhu berkata Rasulullah bersabda :

"Tidaklah seseorang Muslim itu bercucuk tanam atau bertani maka dimakan daripada tanaman itu berburung, manusia atau haiwan melainkan baginya pahala sedekah."

Oleh itu, hadis berkenaan turut menyarankan umat Islam supaya menceburi bidang pertanian agar dapat mengumpulkan pahala sedekah sebanyak-banyaknya selain memajukan sumber ekonomi negara melalui bidang pertanian.



Oleh : Hajah Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Jabatan Penerangan



Pencetus inspirasi belia

SELURUH negara kini sibuk meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73 Tahun. Dalam meniti usia sepanjang pemerintahan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sering kali bertitah menggalas harapan kepada golongan belia di negara ini agar menjadi generasi berwawasan yang mempunyai keupayaan dan berani menerajui tumpuk pembangunan negara. Sebagaimana titah baginda Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 :

"Kita memang berhasrat untuk melihat negara melangkah lebih jauh sebagai sebuah negara maju. Ini adalah matlamat suci negara yang merdeka."

"Harapan ini lebih-lebih lagi perlu turut digalas oleh generasi muda. Negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil menerajui pembangunan. Para belia perlu mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang ditawarkan di dalam atau di luar negeri. Mereka sepatutnya lebih terpanggil untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela, mahupun syarikat-syarikat."

"Para belia yang biasanya kaya dengan idea-idea baharu pasti berani untuk menghadapi pelbagai cabaran. Merekalah yang diharapkan untuk memberikan

nafas baharu kepada segala usaha pembangunan dalam negara," titah Kebawah DYMM.

Keprihatinan baginda terhadap golongan belia ini mencetuskan inspirasi kepada golongan harapan bangsa ini. Tambahan pula, belia di negara ini amat beruntung kerana merasakan nikmat keamanan bernegara di bawah kepimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kebijaksanaan kepimpinan Kebawah DYMM itu juga mencetuskan inspirasi kepada golongan belia untuk mencontohi kewibawaan payung negara yang juga merupakan seorang pemimpin yang adil lagi saksama.

Namun, untuk melahirkan belia berwibawa sebagai pemimpin sepertimana yang dimahukan oleh baginda itu bukanlah suatu yang mudah untuk dilaksanakan. Oleh itu, beberapa program giat dilaksanakan baik oleh pihak kerajaan mahupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan sebagai usaha bagi melahirkan dan memperkasa pemimpin belia yang boleh disandarkan harapan. Antaranya dengan mengadakan program-program kepimpinan belia, menyertai program Akademi Kepimpinan Wanita ASEAN (ASEAN Women's Leadership Academy) bagi Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (YSEALI) di Jakarta, Indonesia pada tahun 2017, kem-kem kepimpinan dan banyak lagi.

Keprihatinan terhadap pemimpin golongan belia terus diambil perhatian. Ke arah itu, pada Kongres Belia Kebangsaan 2019 yang diadakan pada Jun bulan lepas, para peserta bengkel telah mencadangkan pihak yang berkepentingan termasuklah sektor kerajaan, sektor swasta dan para belia sendiri untuk salah satunya memastikan pelantikan dan penglibatan belia dalam Majlis Mesyuarat Negara akan diteruskan dan melantik belia bagi memegang jawatan yang berkepentingan dalam jentera kerajaan seperti Timbalan Setiausaha Tetap ke atas dan dalam platform lain seperti Lembaga Majlis dan Jawatankuasa Tertinggi Kebangsaan. Dengan pelantikan dan penglibatan belia itu sudah tentunya akan menjadi platform

kepada belia-belia terbabit untuk menimba pengalaman dan pengetahuan agar menjadi pemimpin berkaliber dan berwibawa, berani tampil menunjukkan keupayaan masing-masing, malah tidak mustahil golongan belia terbabit akan memberikan cetusan idea-idea baharu agar Negara Brunei Darussalam sama seiring dengan negara-negara maju yang lain.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan raja pemimpin negara pada tahun ini, marilah semua generasi belia di negara ini membaharui tekad untuk lebih memainkan peranan masing-masing sebagai penerus pembangunan negara yang akan dapat mendukung usaha merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Daulat Kebawah Duli tuan Patik!

کوڠرس بليا كبغسان
Kongres Belia
Kebangsaan 2019
Brunei Darussalam

**BERSAMA MENCORAKKAN
MASA DEPAN KITA**

16-17 Jun 2019 | Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

www.kongresbelia2019.bn pelita.bn facebook.com/kongresbelia2019 twitter.com/kongresbelia2019



Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Jabatan Penerangan



Ketokohan dalam bidang pendidikan ugama

KETOKOHAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pendidikan ugama di negara dapat dilihat dengan adanya penguatkuasaan Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Dengan adanya perintah ini menunjukkan baginda mahu melihat tiada pelajar yang akan tercicir daripada pendidikan ugama.

Antara tafsiran undang-undang ini ialah "Kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah ugama" bermakna seorang kanak-kanak Islam yang berumur 7 tahun atau ke atas yang belum lagi mencapai umur 15 tahun dan memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan pendidikan ugama prasekolah dan rendah sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri; "Pendidikan ugama" bermakna pendidikan ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah; dan "Sekolah ugama" bermakna mana-mana institusi bagi penyeliaan pendidikan prasekolah dan rendah sepenuh masa, iaitu sesebuah sekolah ugama

yang ditubuhkan dan diselenggarakan secara khusus oleh kerajaan atau sekolah lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Perintah ini hendaklah dikenakan kepada seseorang kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah ugama yang berugama Islam; yang lahir pada atau selepas 1 Januari 2006; yang tinggal di Negara Brunei Darussalam; dan yang ibu bapanya, sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka, adalah warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap.

Perintah Pendidikan Ugama Wajib yang berkuat kuasa itu bukanlah semata-mata untuk belajar ugama ataupun pelajaran ugama diajarkan sebagai satu mata pelajaran, malah ia adalah dihasratkan untuk memastikan adanya kesinambungan dalam persekolahan ugama. Ia juga

bermaksud bahawa sekolah ugama itu mendidik dan mendisiplinkan para pelajar bagi melahirkan mereka sebagai seorang Muslim yang sempurna.

Acta ini juga adalah bagi memastikan generasi Brunei yang akan datang, mempunyai asas pendidikan ugama sekurang-kurangnya hingga Darjah VI yang mana ia juga adalah bagi melengkapkan mereka sebagai seorang Muslim atau Muslimah yang dapat menuaikan fardu ain.

Selain menguatkuasakan akta, ketokohan baginda juga dapat dilihat dengan adanya beberapa siri lawatan baginda ke sekolah-sekolah aliran ugama di negara ini.

Awal tahun ini, kita telah menyaksikan baginda telah mengadakan lawatan tidak berjadual ke Sekolah Menengah Arab Rimba yang kemudiannya baginda juga berkenan mengurniakan titah.

Baginda bertitah Sekolah Arab adalah tonggak pendidikan duniawi dan ukhrawi tulen. Dari segi pengambilan penuntut

sahaja ia adalah berbeza dengan cara pengambilan di sekolah-sekolah lain yang mana di Sekolah Arab pengambilan itu adalah melalui ujian pemilihan dan hanya mereka yang berjaya dalam ujian itu sahaja yang akan diterima masuk sementara yang tidak berjaya akan mengikuti kelaziman biasa diterima masuk ke sekolah-sekolah umum tanpa sebarang ujian.

Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara, baginda menegaskan supaya pelajaran ugama dan Al-Quran itu dikuatkan di semua sekolah, bukan sahaja di sekolah-sekolah ugama dan Arab, malah juga di sekolah-sekolah menengah, di bawah Kementerian Pendidikan dan juga swasta. Baginda sangat berhasrat agar rakyat di negara ini mendapat pendidikan ugama yang betul, yang tidak menyimpang daripada Al-Quran dan Al-Hadis, supaya negara benar-benar beroleh keberkatan rahmat daripada Allah.



Kemakmuran negara tarik pelancong

KEMAKMURAN negara yang kita miliki adalah kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan juga atas kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menjadi satu batu loncatan dan menjadi asas yang kukuh ke arah menjadikan negara maju dalam pelbagai bidang terutama dalam industri pelancongan.

Walaupun industri pelancongan masih belum berkembang sepenuhnya, sektor ini telah dikenal pasti sebagai salah satu penggerak yang berpotensi untuk mempercepatkan kepelbagaian ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan daripada pertukaran mata wang asing dan seterusnya membantu meningkatkan imej negara serta hubungan antarabangsa, di samping menyumbangkan ke arah kualiti hidup yang lebih baik bagi penduduk negara ini.

Ciri-Ciri

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang raja yang berjiwa rakyat, pemedulian, prihatin dan sangat pemurah terhadap kebijakan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat jelata dan penduduk di

negara ini.

Kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah DYMM sejak 50 tahun yang lalu dalam pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam telah mengalami kemajuan dan perubahan yang agak ketara khususnya dalam amalan beragama, pembangunan, infrastruktur, sosiopolitik, ekonomi dan sebagainya sehingga kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia ini.

Selain itu, layanan baik kepada pelancong asing, untuk memastikan kemapanan sektor pelancongan negara, lebih bertahan lama, muhi tidak mahu layanan terbaik rakyat negara ini terhadap pelancong juga perlu diambil kira.

Selain layanan terbaik rakyat negara kita terhadap para pelancong satu lagi aspek yang diberikan keutamaan ialah menjaga kebersihan di kawasan-kawasan yang menjadi destinasi utama pelancongan seperti Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Taman Mahkota Jubli Emas, Jerudong Park Playground dan sebagainya.

Ciri-ciri yang dipaparkan di atas merupakan kunci utama ke arah menjadikan negara yang makmur dan aman dan sekali gus menjadi sandaran kepada para pelancong berminat untuk melancong ke Brunei atas ciri-ciri yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam berkuron-kurun lamanya yang menjadi amalan kehidupan bersatu padu, bermasyarakat serta taat

kepada perintah Allah dan Rasulnya dan juga taat kepada raja.

Ketibaan Pelancong

Kemakmuran yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negara Brunei Darussalam telah memberikan satu rahmat yang tidak ternilai tinggi, di mana kedatangan para pelancong dari luar negara telah semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Dalam tahun 2018, sektor pelancongan mencatatkan satu lagi pencapaian dalam ketibaan pelancong antarabangsa ke Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan jumlah ketibaan pelancong tertinggi pernah direkodkan.

Ketibaan pelancong antarabangsa meningkat sebanyak 7.4 peratus dari tahun ke tahun (*year-on-year / y-o-y*) daripada 258,955 pelancong pada tahun 2017 menjadi 278,136 pelancong pada tahun 2018. Pencapaian ini adalah di luar jangkaan sasaran bagi tahun 2018, iaitu seramai 277,774 pelancong.

Dari tahun 2015, jumlah ketibaan pelancong menunjukkan trend yang positif dan terus meningkat ke arah kemajuan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Pertumbuhan sebanyak 7.4 peratus ini adalah disebabkan oleh permintaan perjalanan yang tinggi dan konsisten dari keempat pasaran utama sejak tahun 2017 dengan kenaikan yang tertinggi pada pasaran Timur Jauh (Far East) sebanyak 17.8 peratus (*y-o-y*), diikuti dengan pasaran Australia dan New Zealand

sebanyak 10.9 peratus (*y-o-y*), pasaran Jarak Jauh (Long Haul) sebanyak 2.9 peratus (*y-o-y*) dan pasaran ASEAN sebanyak 2.4 peratus (*y-o-y*).

Selain itu, terdapat pengenalan dan penambahbaikan yang berterusan kepada beberapa produk pelancongan dengan kerjasama yang berterusan daripada ejen-ejen pelancongan dalam mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pilihan pelancong (*preferred tourist destination*) dan Penerbangan Diraja Brunei dalam meningkatkan perhubungan udara (*air connectivity*) melalui pengenalan perkhidmatan dan penerbangan baharu daripada pasaran-pasaran seperti Republik Rakyat China, Korea, Melbourne, London, Dubai dan Kuching.

Di samping itu, penyumbang kepada kenaikan jumlah pelancong pada 2018, adalah disebabkan oleh ketibaan jumlah pelancong dari China yang melawat dan bercuti pada Februari dan penganjuran acara-acara sukan antarabangsa yang telah diadakan pada Mac, April, Ogos, September dan Disember.

Aktiviti menarik sepanjang kempen Festival Disember Brunei 2018 yang bertaraf antarabangsa iaitu Orienteering Competition, Green Jewel Night Run, Brunei Unexpected Kingdom Ultra maraton (BUKUM), Brunei Mountain Bike (MTB) Challenge, Brunei e-Sport dan SEA DRC Drone Race juga antara acara lain yang menarik kedatangan pelancong ke negara ini.





Masjid lambang perpaduan Islam

MASJID merupakan sebaik-baik tempat di muka bumi kerana ia adalah rumah Allah Subhanahu Wata'ala, tempat yang suci, tempat berkumpulnya segala kebaikan, tempat orang-orang Islam beribadat dan mengabdikan diri kepada Allah.

Masjid juga merupakan syiar Islam lambang keagungan dan tempat perpaduan umat Islam. Perkataan masjid itu berasal dari bahasa Arab iaitu sujud yang bererti merendahkan diri, sesungguhnya apabila seseorang sujud kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka pada waktu itulah ia paling dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Masjid adalah tempat berkumpulnya orang-orang Islam untuk mengerjakan amal ibadat dan menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan. Bukan hanya tempat untuk mengerjakan solat, di dalam masjid juga umat Islam amat dituntut untuk memperbanyakkan *zikirullah* dan membaca Al-Quran bagi mengimarahkannya.

Kewujudan masjid-masjid merupakan salah satu mercu tanda penting berkembangnya syiar agama Islam.

Di Negara Brunei Darussalam sehingga kini terdapat sebanyak 118 buah masjid, termasuk dua buah masjid negara, 11 buah

masjid utama, 26 buah masjid mukim, 63 buah masjid kampung, lima buah surau dan 11 buah balai ibadat.

Jumlah tersebut termasuklah Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal yang dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Mei 2019.

Masjid Ar-Rahim dibina di atas sebidang tanah yang berkeluasan lima ekar yang mana kerja-kerja pembinaan masjid tersebut bermula pada bulan Mei 2018.

Masjid tersebut merupakan masjid yang kedua dibina menggunakan peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dengan anggaran yang berjumlah

BND3,000,000 yang mampu menampung lebih kurang 800 hingga 1,000 orang jemaah.

Antara kemudahan yang disediakan di Masjid Ar-Rahim adalah seperti Dewan Sembahyang Utama Lelaki, Ruang Sembahyang Perempuan, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan dan Teknologi Maklumat, Pejabat Pentadbiran, Bilik Tetamu, Pejabat Imam dan Bilal, Tandas dan Tempat Berwuduk Orang Berkeperluan Khas Lelaki dan Perempuan, serta Bilik Pengurusan Jenazah.

Pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi, Kebawah DYMM telah memperkenankan Penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid sebagai salah satu inisiatif bagi menggalakkan rakyat dan penduduk di negara ini mengerjakan amal soleh dan memperoleh ganjaran baik di akhirat kelak.

Baginda menekankan bahawa salah satu isyarat dari ajaran Al-Quran dan juga dari hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ialah membina masjid, iaitu tempat orang-orang Islam beribadat. Amalan membina masjid ini, adalah satu 'amal besar' yang mendatangkan ganjaran sangat lumayan. Tabung Dana tersebut akan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala kerana membina masjid.

"Ia akan berlaku secara konsisten sebagai satu peluang keemasan bagi orang-orang Islam untuk bertanam saham di akhirat. Saham itu sifatnya unik sehingga tidak terjangkau oleh akal, manakala Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya: "Barang siapa membina masjid kerana Allah, sekalipun hanya seperti sarang burung, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga," titah baginda seterusnya.

Dengan adanya tabung dana seumpama itu, ia adalah langkah yang sangat penting dalam membentuk satu masyarakat agar bersatu padu dalam semangat persaudaraan bagi melahirkan ahli masyarakat yang berkasih sayang dan hormat-menghormati, tolong-menolong dan bertimbang rasa serta saling mengambil berat di antara satu dengan yang lain.



Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Jabatan Penerangan



Raja Khalifah Islam

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak baginda menjadi Sultan Ke-29, pada 1 Ogos 1968 Masihi bersamaan 6 Jamadilawal 1388 Hijrah, baginda dikenali sebagai raja pemelulian, raja berkarsma dan pembina martabat bangsa. Baginda juga disegani dan dihormati oleh para pemimpin antarabangsa. Ini menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang termasyhur di mata dunia.

Sepanjang pemerintahan, baginda sering dan tidak pernah kendur-kendurnya menggesa rakyat dan penduduk baginda di negara ini, terutamanya rakyat dan penduduk Islam agar tidak lupa dan laik terhadap kewajipan menjaga agama dan tanggungjawab mempertahankan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Baginda juga melalui kerajaan baginda

tidak kendur-kendur memastikan syiar Islam terus megah dan bersinar di bumi Brunei Darussalam dengan melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya memartabatkan Al-Quran sebagai pedoman hidup.

Tidak salah jika kita selaku rakyat dan penduduk Islam di negara ini melabelkan baginda sebagai raja penegak syiar Islam. Ini terbukti di mana setiap titah baginda sering kali menegaskan tentang kebenaran Islam, undang-undang Islam bahkan sentiasa mengarahkan agar rakyat baginda termasuk para pegawai dan kakitangan kerajaan pandai membaca Al-Quran, bahkan menjadi celik Al-Quran bagi memperoleh cahaya yang berkat dan untuk melahirkan generasi Al-Quran, baginda telah memperkenalkan beberapa skim penggalak berupa elauan bulanan kepada siapa yang diperakui lulus hafalannya oleh Lembaga Tasmie', mengikut kategori dan memperkenangkan Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur bagi sesiapa yang berjaya memenangi tempat pertama, kedua atau ketiga akan diberikan hadiah galakan berupa wang tunai serta pemberian elauan sebanyak BND2,000

sebulan sepanjang hayat kepada qari dan qariah penyandang johan dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa berkenaan dengan menekankan tradisi Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Dewasa akan diteruskan sehingga benar-benar menjadi budaya turun-temurun tetapi mahu melihat semua orang Islam Brunei pandai membaca Al-Quran.

Untuk menegakkan lagi syiar Islam di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengumumkan Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah pada Perasmian Majlis Ilmu di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 22 Oktober 2013

Sebagai langkah serius mengamalkan ajaran Islam, pada 12 November 2012, baginda juga mengumumkan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan Bandaran telah mengeluarkan arahan supaya semua premis perniagaan dan pejabat, pusat-pusat hiburan, rekreasi dan sukan, termasuk pawagam dan padang permainan, gerai atau tamu, pasar dan gedung-gedung perniagaan di bawah kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan hendaklah ditutup pada hari Jumaat mulai jam 12 tengah hari hingga jam 2 petang.

Satu undang-undang khas telah digubal

yang dikenali sebagai Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Sebagai seorang pemerintah, baginda mengharapkan agar menonjolkan seruan azan bagi mendakwa masuknya waktu sembahyang kerana bagi baginda alangkah indahnya, jika seruan ini dikumandangkan bukan hanya di masjid-masjid, di surau-surau dan di balai-balai ibadat, malahan juga, boleh turut didengar di tempat-tempat kunjungan orang awam, sebagai memberitahu waktu sembahyang telah masuk dan ini adalah satu cara untuk memenuhi tuntutan mendirikan sembahyang.

Kerajaan baginda juga telah menyediakan prasarana pendidikan Islam yang teratur dengan mendirikan tujuh buah Sekolah Arab di seluruh daerah dan tertubuhnya institusi-institusi pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Penutup

Menerusi kepimpinan dan pemerintahan beraja Islam itu, kita dapat memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Allah dengan menjadi bangsa yang taat beragama, memelihara dan memartabatkan agama, mentauhidkan Allah, yang mana hasilnya ialah kita menikmati keamanan.



دُولَتِ كِبَاوَه دُولِيْ تُوانْ قَاتِيق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



Ke 73
Tahun

WARGA JABATAN PENERANGAN
DAN JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI MENYEMBAHKAN
UCAPAN SELAMAT HARI KEPUTERAAN KE HADAPAN MAJLIS
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-73 TAHUN

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

دُنْرِيَتِكْنِ اوله جباتن فنراغن، جباتن فرداٽ مترى دان دچيتق اوله جباتن فرچيتقئن کراجاٽن، نگارا بروني دارالسلام.

DITERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI DAN DICETAK OLEH
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM